

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON
[TEBRAU]**

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada PUSPAKOM yang terletak di Taman Daya boleh dihadkan untuk memeriksa kenderaan persendirian sahaja memandangkan lori-lori yang menunggu untuk diperiksa menjadi punca kesesakan lalulintas di situ.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, PUSPAKOM cawangan Johor Bahru yang terletak di Taman Daya telah mula beroperasi pada tahun 1995 dan merupakan antara cawangan terawal PUSPAKOM yang telah ditubuhkan. Ia terletak di atas tanah milik PUSPAKOM dan cawangan ini mampu menjalankan 600 pemeriksaan kenderaan sehari.
2. Secara berterusan PUSPAKOM sentiasa memantau keadaan lalu lintas di sekitar cawangan terutamanya yang beroperasi di bandar-bandar besar seluruh negara termasuk di Taman Daya, Johor Bahru. Hasil daripada pemantauan yang telah dijalankan, antara punca utama kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut, selain perkembangan yang sangat pesat di persekitaran kawasan ini, adalah kehadiran kenderaan-kenderaan berat dengan Berat Dengan Muatan (BDM) melebihi 20 tan untuk menjalankan pemeriksaan. Keadaan lalu lintas juga akan menjadi

lebih sesak dengan sikap pemilik kenderaan berat tersebut yang sering meletak dan meninggalkan kenderaan di bahu jalan samada sebelum atau selepas pemeriksaan untuk urusan yang lain seperti untuk mendapatkan perkhidmatan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang berdekatan, sarapan pagi atau makan tengahari di premis-premis jualan yang berhampiran.

3. Berikutan perkara ini, PUSPAKOM telah mengadakan perbincangan dengan pihak JPJ Negeri Johor dan dalam perancangan untuk menghadkan jenis kenderaan yang akan menjalankan pemeriksaan di Taman Daya hanya kepada kenderaan dengan BDM 19 tan dan ke bawah. Sehubungan ini, kenderaan dengan BDM 20 tan dan ke atas perlu menjalankan pemeriksaan di pusat pemeriksaan PUSPAKOM yang terletak di Kawasan Perindustrian Pasir Gudang.

4. Perancangan ini dijangka akan dilaksanakan pada awal bulan Oktober 2019 setelah selesainya kerja-kerja menaiktaraf pusat pemeriksaan PUSPAKOM Pasir Gudang untuk menerima penambahan jumlah kenderaan-kenderaan berat yang akan hadir untuk pemeriksaan. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebelum ini pendekatan yang sama juga telah dilaksanakan di pusat pemeriksaan Padang Jawa (Shah Alam) serta Wangsa Maju (Kuala Lumpur) dan telah berjaya meminimakan kesesakan lalu lintas di sekitar kawasan pusat pemeriksaan tersebut.

Sekian, terima kasih.